

21/04/1998

Ambil kira sensitiviti jika maju kawasan

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu supaya sensitiviti agama dan adat diambil kira serta ditangani secara bijaksana dalam memajukan sesuatu kawasan bagi mengelakkan tercetus kemarahan mana-mana pihak.

Perdana Menteri menegaskan, kerja berkaitan, umpamanya memindahkan kawasan tanah perkuburan, tidak boleh dilaksanakan secara gopoh supaya keluarga si mati tidak berasa kecewa dalam urusan itu.

"Kita nak ubah kawasan perkuburan tentulah ada sensitivitinya. Kita tak nak sesuatu dibuat yang boleh menyentuh sensitiviti orang supaya dalam negara kita tidak ada masalah yang timbul kerana orang tak pedulikan sensitiviti orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bersama Pemindahan Tanah Perkuburan Hokkien Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur ke Semenyih di sini, petang ini.

(END)